



---

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK  
BILANGAN 3 TAHUN 2018**

---

**PERUBAHAN PENGENDALIAN KES KECURANGAN AKADEMIK PELAJAR  
DARI BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK  
KE BAHAGIAN PERUNDANGAN UNIVERSITI**

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
13 Februari 2018

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Pendaftar  
Pegawai-Pegawai Kanan

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**13 FEBRUARI 2018**

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**  
**BILANGAN 3 TAHUN 2018**

**PERUBAHAN PENGENDALIAN KES KECURANGAN AKADEMIK PELAJAR  
DARI BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK  
KE BAHAGIAN PERUNDANGAN UNIVERSITI**

**1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai perubahan pengendalian kes kecurangan akademik pelajar dari Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Institut Pengajian Siswazah ke Bahagian Perundangan Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-163 Bilangan 2/2018 yang bersidang pada 13 Februari 2018.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Undang-Undang yang berkaitan dengan Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar di UPSI ialah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (pindaan 2009), Kaedah-Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 dan arahan-arahan Naib Canselor yang berkaitan dengan tatatertib pelajar yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.
- 2.2 Pihak Berkuasa Tatatertib Universiti berkenaan dengan tiap-tiap pelajar ialah Naib Canselor seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 16B (1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (pindaan 2009).

- 2.3 Selaras dengan Seksyen 16B (3), Naib Canselor boleh mewakilkan fungsi, kuasa atau kewajipan tatatertibnya kepada mana-mana Timbalan Naib Canselor, pekerja Universiti, atau jawatankuasa pekerja Universiti, berkenaan dengan mana-mana pelajar tertentu atau mana-mana golongan atau kategori pelajar Universiti.
- 2.4 Perubahan urus setia bagi Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar untuk Kes Kecurangan Akademik di UPSI sepanjang 2010 hingga 2016 adalah seperti berikut:

Bil	Tahun	Urus setia
1.	2010	JHEPA
2.	2011	BHEA
3.	2012	Unit Perundangan dan Tatatertib Bahagian Governan
4.	2012	JHEPA
5.	2016	BHEA

### 3.0 KEPUTUSAN SENAT

- 3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan keputusan seperti berikut:
- 3.1.1 Memindahkan pengendalian kes kecurangan akademik dari Bahagian Hal Ehwal Akademik ke Bahagian Perundangan Universiti atas justifikasi berikut:
- 3.1.1.1 Bahagian Perundangan Universiti mampu menguruskan kes kecurangan akademik pelajar kerana mempunyai kakitangan yang kompeten dan mempunyai pengetahuan undang-undang. Bahagian itu juga bakal menerima Penasihat Undang-Undang bertaraf Jusa pada Februari 2018 selain mempunyai tiga orang Pegawai Undang-Undang (Skim L). Isu kekangan

tugas yang berlaku pada tahun 2012 sudah tidak berbangkit lagi.

3.1.1.2 Urusan kes kecurangan akademik menjadi lebih cekap dan berwibawa kerana dikendalikan oleh satu PTj sahaja iaitu Bahagian Perundangan Universiti yang memang menguruskan hal melibatkan undang-undang.

3.1.1.3 Mengekalkan semula keputusan Mesyuarat Senat pada 20 Mac 2012 yang memindahkan pengendalian kes kecurangan dari Bahagian Hal Ehwal Akademik ke Bahagian Governan (Unit Perundangan dan Tata tertib).

3.1.2 juga bersetuju pengendalian kes selain kecurangan akademik iaitu kes sahsiah pelajar dikendalikan oleh Bahagian Perundangan Universiti dengan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) mempengerusikan perbicaraan. Manakala Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) mempengerusikan perbicaraan kes kecurangan akademik.

3.1.3 meminta agar keahlian pembantu Pihak Berkuasa Tata tertib Pelajar yang terdiri daripada Dekan fakulti, Ketua Timbalan Pendaftar (HEPA), Timbalan Pendaftar Kanan (Akademik), Pegawai Psikologi dari Pusat Kaunseling dikekalkan untuk sesi perbicaraan.

3.1.4 bersetuju perubahan ini berkuatkuasa serta merta.

#### **4.0 TARIKH KUASA KUASA**

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 13 Februari 2018.

Sekian, terima kasih.

**“KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN”**

Yang benar,



**(SUHAILA SIDEK)**

Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Hal Ehwal Akademik

